

TARIKH : 16 / 5 / 2023  
SURAT KHASAR : kosmo  
MUKA SURAT : 15

Kosmo! SELASA 16 MEI 2023

Negara!

15

## Perkeso rai Syawal dengan Majlis Bangkit Raya

KUALA LUMPUR – Kemeriahana Syawal masih dirasai dengan sambutan Majlis Bangkit Raya oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) di Menara Perkeso, di sini semalam.

Majlis yang bermula pada pukul 11.30 pagi itu dimeriahkan dengan kehadiran pekerja-pekerja Perkeso dan tetamu yang dianggarkan melebihi 1,000 orang.

Pelbagai gerai makanan dan minuman yang disediakan oleh

setiap jabatan dan bahagian di Perkeso termasuklah gerai aiskrim, kebab, dimsum dan pelbagai lagi juadah menarik.

Majlis itu turut dimeriahkan dengan tetamu kehormat seperti Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar dan Timbalannya, Mustapha Sakmud.

Turut kelihatan beberapa penerbit filem tanah air, Datuk Yusof Haslam dan Datuk A. Aida beramah-mesra bersama tetamu yang hadir.

Di samping pelbagai juadah menarik disediakan, terdapat juga cabutan bertuah diberi kepada pengunjung yang menawarkan hadiah seperti pembersih vakum robotik, telefon pintar, basikal dan emas.

Majlis disudahi dengan Penyampaian Hadiah Persembahan Terbaik Bahagian, Penyampaian Hadiah Gerai Tercantik dan Penyampaian Hadiah Personaliti Raya Lelaki dan Perempuan.



SIVAKUMAR (baju putih) beramah mesra bersama para pekerja Perkeso yang membuka gerai air pada Majlis Bangkit Raya, di Menara Perkeso, Kuala Lumpur semalam.